

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	09/09/2017C

## Calon PRU-14 dipilih rakyat, bukan lobi – Najib

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
penyair@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 8 Sept.** - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, penentuan calon Barisan Nasional (BN) adalah bersandarkan pilihan rakyat dan bukannya melalui tindakan melobi yang dilakukan oleh parti-parti komponen.

Menurut Perdana Menteri, dalam hal itu, BN membuat perancangan pembahagian kerusi secara muafakat dan setiap parti akan menerima keputusan yang bakal dibuat nanti.

Pada masa sama, beliau yang juga Pengerusi BN menjelaskan, penyelesaian dalam pembahagian kerusi tidak akan menjadi punca kepada pergeseran sesa-

ma parti.

"Secara umum, kerjasama dan persiapan untuk Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dilakukan oleh setiap parti komponen BN semakin baik dan dalam hal ini, masih ada ruang untuk dipertingkatkan dan kita akan lakukan perkara ini dalam masa beberapa minggu akan datang.

"Kita akan selesaikan (pembahagian kerusi) dalam keluarga muafakat BN. Kita sudah bersetuju pendirian kita hari ini, mereka akan terima keputusan dibuat BN nanti.

"Soal utama kita ialah bukan soal lobi tetapi soal apa yang dianggap sebagai pilihan dan kehendak rakyat perlu diberi pertimbangan utama," katanya selepas

mempengerusikan Mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamid; Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan para pemimpin parti komponen BN.

Najib menambah, salah satu kekuatan BN secara tradisi adalah satu pakatan kukuh dan stabil yang tidak seperti pakatan pembangkang.

Ini kerana kata beliau, para pemimpin pembangkang sering kali membuat kenyataan dan pendirian bercanggah antara satu sama lain sehingga tidak diketahui siapa sebenarnya yang

menjadi ketua kepada pakatan pembangkang.

"Mereka asyik ubah pendirian dalam banyak isu dengan melihat kepada keadaan semasa, jadi kekuatan BN ini saya yakin akan memberi gambaran dan imej kepada rakyat bahawa kita merupakan pakatan mapan untuk terus memimpin negara kita," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, salah satu daripada prasyarat untuk mentadbir sebuah negara yang mampan secara berterusan adalah bagaimana sesebuah kerajaan boleh membawa kepada kestabilan dan pentadbiran kukuh dengan berdasarkan persefahaman dan kepimpinan yang jelas.

Kata beliau, ia bukan sahaja bersandarkan kepada penetapan polisi dan visi, tetapi soal kepimpinan juga menjadi ukuran.

"Kita lihat persefahaman itu tidak berlaku apabila pembangkang berkecamuk dalam membuat keputusan.

"Jangan kita menyetepikan peluang kita yang sangat baik untuk menjadi salah satu negara bintang bersinar dalam kalangan negara membangun," katanya.

Ditanya tarikh PRU-14 berikutan pertumbuhan ekonomi negara yang semakin baik selain faktor perpecahan pembangkang, Perdana Menteri memberitahu, bila-bila masa sahaja waktu yang terbaik.

um - 9/9/2017 pg. 4